

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak terlepas daripada menerima semua bantuan serta inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan ketika pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak terlepas daripada menerima semua bantuan serta inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan ketika pandemik COVID-19. Antaranya, ialah pihak JAKOA telah menyediakan bantuan bakul makanan kepada semua Orang Asli mengikut maklumat data Ketua isi Rumah (KIR) yang sedia ada. Selain itu, kepimpinan Orang Asli seperti Batin serta Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) turut memberi kerjasama dalam aspek pengurusan dan pengangkutan dalam menguruskan jenazah Orang Asli yang meninggal akibat COVID-19.

Pihak JAKOA juga mendapatkan kerjasama dengan Maraliner, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan COVID-19 Immunisation Task Force (CITF) untuk membawa pesakit Covid-19 ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) dan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) yang berdekatan bagi membendung penularan wabak Covid-19 ini dari semakin menular.

Seterusnya, melalui program mobil vaksinasi yang mempercepatkan lagi pengambilan vaksin khususnya di tempat yang jauh dari Pusat Pemberian Vaksin (PPV) tetapi boleh capai dengan bas.

Selain itu, program bantuan kerajaan merangkumi bantuan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Pelan Pemulihan Negara (PEMULIH), MySalam dan Peka40 turut disebar dan menggunakan pelbagai platform yang ada.